NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#08

16 Feb 2024 – 22 Feb 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

ISI KANDUNGAN

Kawal Media dengan Kod Etika Wartawan 2

Kawah Air di Pantai, Satu 'Red Alert' 5

Perkasa Pendidikan Kanak-kanak Jalanan 7

Hubungan Malaysia-Iran Dalam Sektor Pertanian 9

Warga Asing Berhutang Dengan Hospital 12

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Kawal Media dengan Kod Etika Wartawan

- **Kod Etika Wartawan Malaysia** versi baharu telah dilancarkan oleh YBM Komunikasi dengan tujuan menetapkan prinsip asas untuk membimbing perlakuan semua pengamal media tanpa mengira platform selain memerihalkan tanggungjawab wartawan sebagai suara rakyat.



Sumber: Harian Metro

- Felo Penyelidik **Majlis Profesor Negara** Prof Madya Dr Jessica Ong Hai Liaw berpendapat kod etika yang baharu ini tidak terhad kepada wartawan konvensional, tetapi juga sepatutnya terpakai kepada para **wartawan warga** (*citizen journalist*) yang terlibat dengan sebarang penyampaian maklumat.
- Terdapat **lapan etika utama** dalam kod etika kewartawanan yang baru ini, iaitu wartawan bertanggungjawab menjadi suara masyarakat majmuk, wartawan hendaklah telus dan berintegriti, wartawan digalakkan berlaku adil dalam menyampaikan informasi, pemberitaan tidak dipengaruhi kepentingan peribadi, kesahihan dan ketetapan maklumat dan wartawan perlu menghormati privasi dan kerahsiaan sumber.

- Kod etika ini dilihat sebagai satu panduan kepada wartawan untuk mendepani cabaran teknologi dalam kerjaya mereka serta mampu melonjakkan profesionalisme kewartawanan selain dapat membantu masyarakat untuk mendapatkan maklumat mereka berkenaan sesuatu perkara di saluran yang betul.
- Tidak semua melihat kod etika kewartawanan ini sesuatu yang baik secara keseluruhan. Beberapa pihak seperti **Lawyers For Liberty** (LFL) menganggap kod etika yang diubah suai untuk wartawan oleh kerajaan hanyalah sebagai helah untuk mengawal dan menentukan berita yang boleh disebarkan dalam talian.
- Kecaman ini berikutan kenyataan YBM Komunikasi yang mengesahkan Jabatan Penerangan diberi kuasa untuk bergantung kepada kod etika untuk membatalkan kad akreditasi media.
- Walaupun kerajaan berjanji untuk tidak akan menyekat **kebebasan media bersuara** melalui etika ini, tetapi sebaliknya menjadi garis panduan untuk agensi media menjalankan tugas mereka, namun ia dilihat sebagai ancaman berterusan terhadap akhbar dan cubaan untuk mengukuhkan kawalan terhadap media.
- Pihak yang menentang kod etika ini berpendapat kod etika ini adalah sama seperti **undang-undang sedia ada** seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
- Situasi langit terbuka pada masa kini, menuntut kepada undang-undang atau etika bagi mengawal pemberitaan supaya unsur fitnah tidak membelenggu pemikiran rakyat. Namun kerisauan yang ditimbulkan oleh LFL berasas kerana kerajaan hari ini tidak dapat menyakinkan rakyat akan bertindak adil kepada semua pihak dan tidak akan menyalahgunakan kuasa untuk menekan mereka yang tidak sependapat dengan Kerajaan Madani.

RUJUKAN

- https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062555/kod-etika-wartawan-malaysia-tegakkan-hak-masyarakat-dapat-maklumat-sahih
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kod-etika-wartawan-perlu-diamalkan-oleh-citizen-journalist-459233
- https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/21/get-media-council-going-first-before-launching-new-journalism-code-of-ethics-lawyers-group-tells-putrajaya/119182

Kawah Air di Pantai, Satu 'Red Alert'

- Sekali lagi kita dikejutkan dengan insiden **lemas di pantai**, di mana seorang lelaki ditemui lemas setelah hilang ketika beriadah bersama keluarganya di Pantai Batu Buruk baru-baru ini. Daripada insiden ini, Pasukan Penyelamat di Air (PPDA) Bomba telah menemukan 4 kawah air di dasar laut ketika selaman mencari mangsa lemas. Kawah air ini terletak kira-kira 50 meter daripada pesisir pantai.
- Insiden ini sepatutnya menjadi 'red alert' kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pihak-pihak yang berkenaan terhadap keperluan penambahbaikan **pengurusan pantai** di seluruh negara selain menyelidiki faktor pembentukan kawah air serta implikasinya dengan lebih mendalam. Sama ada ia wujud kesan jangka panjang daripada pembangunan di pesisir pantai ataupun faktor perubahan iklim.
- Kita sudah ada pelbagai pelan dan **garis panduan** bagi memastikan pengurusan pembangunan di pantai diuruskan dengan baik. Namun, sejauh mana pemantauan dibuat terhadap pelan dan garis panduan yang ada, sama ada ia boleh lagi diaplikasikan buat masa kini ataupun perlu ditambah baik mengikut analisis tingkah laku (behavior analysis) semasa.
- Struktur **pemecah ombak** yang dibina juga perlu diselenggarakan dan dipantau supaya kita dapat membuat keputusan yang tepat pada masa yang tepat. Elemen memberi amaran kepada orang awam perlu ditambah baik dan diperbanyak.
- Untuk memastikan keselamatan orang ramai ketika memasuki pantai, pelbagai inisiatif boleh diambil antaranya; memperbanyakkan tanda amaran yang mudah dilihat di pantai, kempen pendidikan awam, amaran melalui aplikasi mudah alih, sistem pengawasan menggunakan CCTV atau dron, meningkatkan frekuensi rondaan dan pemantauan pantai, sekatan akses pantai (sementera atau kekal) dan menjalankan penilaian risiko dan audit

secara berkala ke atas kemudahan pantai, infrastruktur, dan prosedur keselamatan untuk mengenal pasti potensi bahaya dan kawasan untuk penambahbaikan.

- Isu ini sekiranya diambil tindakan oleh pihak yang tertentu, ini diharapkan dapat mengekang daripada kejadian yang sama berlaku di pesisir pantai negara pada masa akan datang. Cukuplah kita mendengar insiden kematian di pesisir pantai terutama ketika waktu musim tengkujuh. Sesuai dengan pepatah Melayu yang elok dijadikan panduan, 'jangan terhantuk baru tengadah'.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1214483/lelaki-hilang-di-pantai-batu-buruk-ditemukan-lemas

Perkasa Pendidikan Kanak-kanak Jalanan

- Kerajaan melalui Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada selasa lalu menzahirkan komitmen untuk menambah baik keperluan kelas pendidikan yang diadakan oleh **Pertubuhan Jejak Jalanan** dan keperluan lain berkaitan untuk memastikan 'anak lorong' tidak tercicir dalam pembelajaran.
- Antara bantuan yang ditawarkan MAIWP ialah bantuan sewaan premis, buku-buku dan sumbangan kepada guru sukarelawan yang memberikan pendidikan secara percuma selain akan mempertimbangkan pertambahan guru bagi memenuhi keperluan pendidikan yang sepatutnya.
- **Kanak-kanak jalanan** mempunyai takrifan yang luas. Sebahagianya merujuk kepada mangsa keadaan disebabkan ibu bapa tidak mendaftarkan kelahiran mereka. Ia juga membawa maksud kanak-kanak yang tinggal di kawasan seperti Lorong Haji Taib, Chow Kit dan Kampung Baru tanpa pemantauan orang dewasa.
- Selain terperangkap dalam belenggu **kebejatan sosial**, faktor kemiskinan dan tiada dokumen kerakyatan menjadikan masa depan kanak-kanak ini terus kelam termasuk mendapat akses kepada pendidikan dan kesihatan.
- Sehingga kini, negara tidak mempunyai **statistik lengkap** tentang jumlah dan taburan golongan ini, namun menurut laporan 'World Bank Institute' menganggarkan jumlah mereka sebanyak 75 000 orang.
- Meskipun kerajaan yang ada sudah bersilih ganti, isu kanak-kanak jalanan masih belum menemui noktah polisi yang terbaik. Lebih malang, kanak-kanak jalanan ini akan terus membesar dan menyumbang kepada masalah sosial dan 'free rider' yang tidak berkesudahan.
- Sebelum ini sudah ada cadangan untuk memberikan mereka **dokumen kerakyatan** bagi membolehkan mereka bekerja secara sah, ada juga cadangan membawa mereka masuk ke institusi-institusi pengajian TVET,

mahupun gesaan kerajaan menambah bilangan pusat-pusat perlindungan kepada kumpulan ini.

- Namun, kesemua cadangan yang ada dilihat belum mampu memberikan solusi tuntas, malah belum cukup efektif membawa kanak-kanak ini keluar dari lorong dan meneruskan rantaian kemiskinan.
- Menurut pandangan Dr. Abdul Rahman Ahmad Badayai, Ketua Klinik Psikologi dan Konsultansi, Universiti Kebangsaan Malaysia, sudah tiba masanya kerajaan mengkaji dengan serius sukatan pembelajaran dan bantuan yang ditawarkan kepada kumpulan ini.
- Tambah beliau, penekanan bantuan harus diberikan kepada pendidikan ke arah pembangunan kerjaya komuniti berkenaan termasuk mengubah mentaliti daripada sekadar menerima bantuan kepada individu yang mampu berdikari serta meningkatkan ekonomi sendiri.
- Hakikatnya, kanak-kanak jalanan ini juga ada impian seperti kanak-kanak lain untuk menikmati kehidupan selesa serta berjaya. Namun, akibat belenggu masalah dan kemiskinan, segala impian mereka tidak ke mana malah terus disisih oleh masyarakat.
- Tantangan mereka ibarat barah kepada negara. Sekiranya tiada kesungguhan dan campur tangan kerajaan, tidak mustahil senario ini akan terus meruncing dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang pasti akan menjejaskan lebih banyak pihak.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/maiwp-komited-tambah-baik-keperluan-pendidikan-anakanak-lorong-459061
- https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/940894/harapan-anak-lorong-metrotv
- https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2270448

Hubungan Malaysia-Iran Dalam Sektor Pertanian

- Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata bahawa **Malaysia dan Iran** akan menjalin kerjasama bagi **meneroka penyelidikan** berkaitan baka ayam Arian, nanas dan padi.
- Perkara itu dimaklumkan selepas beliau mengadakan sesi perbincangan bersama Timbalan Menteri Pertanian Iran, TYT Dr. Mojtaba Khayam Nekouei.
- Penyelidikan itu akan melibatkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Pertubuhan Penyelidikan, Pendidikan dan Pengembangan Pertanian (AREEO) Iran. Hasil penyelidikan itu bakal dimanfaatkan untuk kedua-dua negara.



Sumber: Facebook Mohamad Sabu

- Kerjasama ini juga selari dengan teras strategik kelima Program Inovasi Nasional Keterjaminan Makanan Agromakanan Rakyat (PINTAR) iaitu strategi kolaborasi yang menekankan ***'food diplomacy'*** dengan negara luar.
- Beliau juga telah menggariskan empat **fokus utama** Kementerian tahun ini iaitu industri ayam dan telur, industri padi, industri nanas dan industri bawang.
- Rakyat rata-rata menyatakan sokongan dalam usaha kerajaan membangunkan penyelidikan tersebut namun timbul persoalan daripada golongan pakar dan industri mempersoalkan keputusan kerajaan untuk mengadakan penyelidikan terhadap **baka ayam Arian**.
- Gholam Ali Farghi, penganalisis industri penternakan menyatakan walaupun kacukan Arian itu pernah menyumbang 70% daripada ternakan ayam negara Iran, namun dianggarkan bahawa hanya sekitar 30% daripada keluaran hari ini dijamin oleh kacukan itu, dan angka ini terus mengecil. Kini, kebanyakan

ayam di Iran berasal daripada kacukan asing yang diimport dari UK dan Perancis.

- Kacukan Arian itu dikatakan **kehilangan pasarannya** kepada pesaing kerana kajian saintifik yang lemah di mana penyelidik di negara lain secara konsisten mengubah suai dan meningkatkan prestasi kacukan mereka. Ini menyebabkan kacukan Arian ketinggalan jauh dalam kajian.
- Bagaimanapun, Mustafa Ghanei, Setiausaha Jabatan Pembangunan Bioteknologi, menganggarkan bahawa Iran akan membelanjakan 60 bilion toman (AS$14.5 juta) untuk penyelidikan dan pembangunan bidang itu. Peluang ini diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi bagi menguatkan lagi jalinan hubungan dengan Iran.
- Pada waktu yang sama, Exco Pertanian Negeri Terengganu, **Dr Azman Ibrahim** juga mengadakan pertemuan dengan Dr Mohsen Saraf dan Mr Peyman Alimohammadi dari Kedutaan Islamic Republic of Iran bagi penerokaan teknologi pertanian secara bersama dengan Iran. Ini adalah bagi membuka ruang pembangunan sektor pertanian terutamanya negeri Terengganu dan SG4.
- Jalinan hubungan bersama dengan Iran ini diharapkan membuahkan hasil yang bermanfaat untuk rakyat dan Malaysia seluruhnya. Langkah ke arah pelan pembangunan industri ini sememangnya diperlukan untuk melindungi industri pertanian daripada pergolakan dalam pasaran dan ketidakcukupan bekalan dalam negara.



Sumber: Facebook Dr Azman Ibrahim

RUJUKAN

- https://www.kosmo.com.my/2024/02/18/malaysia-iran-jalin-kerjasama-penyelidikan-baka-ayam-nanas-dan-padi/
- https://www.poultryworld.net/poultry/genetics/iranian-crossbreed-aryan-is-losing-popularity/
- https://www.facebook.com/ybdrazmanibrahim/posts/pfbid0yFJnS4JhQZZY3tqrvse8eC3RmN2k5dM49YwQQ8VCzQRJTFEHUPLQYYZWsNZcrqUyl

Warga Asing Berhutang Dengan Hospital

- Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), angka terbaru menunjukkan sehingga akhir tahun 2023, **jumlah tunggakan** membabitkan bil rawatan warga asing di klinik dan hospital kerajaan mencecah RM100 juta.
- Kos ini termasuk rawatan bersalin, kecemasan, pemeriksaan pesakit luar serta pengambilan ubat di kalangan warga asing seperti pendatang asing tanpa izin (PATI), berstatus pelarian sama ada berdaftar atau tidak berdaftar.
- Rawatan **terpaksa diberikan** kepada warga asing atas dasar hak asasi manusia dan simpati. Meskipun mereka sudah mendaftar dan membayar deposit terlebih dahulu, akhirnya mereka lolos juga kerana enggan membayar tunggakan bil rawatan yang mungkin melebihi jangkaan mereka.
- Terdapat warga asing dari **38 negara** yang berhutang dengan hospital kerajaan. Selain negara rantau Asia seperti India, Myanmar dan Indonesia, ada juga dari negara maju seperti UK, US, Jerman, Finland, Singapura, Sweden dan Jepun.
- Pendedahan daripada beberapa kakitangan hospital kerajaan berkata isu warga asing culas membayar tunggakan bil rawatan berlaku di **semua hospital dan fasiliti** bawah KKM. Isu berkenaan sudah lama berlaku dan tiada penyelesaian tuntas diambil oleh KKM sehingga sekarang.
- Antara punca utama kepada polemik ini adalah kerana terdapat **kelompongan sistem rekod** serta pengesanan pesakit warga asing di hospital kerajaan. Kerajaan sukar untuk menyenarai hitam warga asing apabila tiada sistem bersepadu yang menghubungkan data KKM dengan Jabatan Imigresen ketika ini.
- Pertimbangan antara hak asasi manusia dengan kebajikan rakyat sendiri harus dicapai dengan cermat. Sumber yang digunakan untuk merawat warga

asing sepatutnya boleh didahulukan untuk warga tempatan yang lebih memerlukan.

- Begitu juga kualiti perkhidmatan awam yang dicanangkan menuju digitalisasi perlu diperkasakan. Banyak polemik penyampaian perkhidmatan awam boleh diselesaikan dengan menyatupadukan pangkalan data pengguna antara pelbagai agensi tanpa mengabaikan keselamatan data.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1214018/warga-asing-tak-bayar-bil-hospital-rm100-juta



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

© **Hak Cipta Terpelihara**